

08 JAN 2002

Banjir-Kehilangan

RAHMAT YANG KEHILANGAN ISTERI & TIGA ANAK, PASRAH DENGAN TAKDIR TUHAN

KULAI, 8 Jan (Bernama) -- Rahmat Wahid, mangsa banjir lumpur yang kehilangan isteri serta tiga anak sukar untuk menggambarkan perasaannya ketika menerima bantuan peribadi daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang meluangkan masa melawat Kampung Seri Gunung Pulai, dekat sini, pagi tadi.

Rahmat, 40, masih dihantui perasaan sedih akibat kematian isteri, Salinas Abas, 34, dan tiga orang anaknya, Nordiana Rahmat, 6, Mohd Ali, 3 tahun dan Noren Rahmat yang berumur setahun.

Tiga anak Rahmat yang terselamat dalam kejadian itu pada malam 27 Dis lepas ialah anak kembarnya, Mohd Amirul dan Mohd Amry, 14, serta Noraida, 10 tahun.

"Betapa besarnya hati saya menerima kunjungan Perdana Menteri dan isteri serta orang kenamaan lain," katanya ketika ditemui selepas menerima bantuan daripada Perdana Menteri di Kampung Seri Gunung Pulai, dekat sini, hari ini.

Beliau mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Perdana Menteri dan isteri kerana sudi meluangkan masa melawat mangsa banjir serta kawasan yang musnah akibat banjir lumpur di kampung itu.

Rahmat yang bekerja sebagai pengusaha bengkel kereta di kampung itu kini menumpang sementara bersama tiga anaknya yang terselamat dan dua keluarga mangsa banjir di rumah persinggahan Yang Dipertua Majlis Bandaraya Johor Baharu Tengah, Dollah Jaafar.

Seorang lagi mangsa banjir lumpur yang melanda kampung terbabit pada malam 27 Dis lepas ialah jiran keluarga terbabit, Fatimah Shardan, 64 tahun yang juga dikenali sebagai Abok.

"Saya hanya berserah kepada tadbir dan ketentuan Ilahi terhadap diri ini dan apa yang berlaku pada saya ini semuanya mempunyai rahmat disebaliknya," katanya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para pemimpin dan orang perseorangan yang banyak membantu saya sama ada menghulurkan bantuan atau kata-kata nasihat, katanya.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri turut menyampaikan bantuan peribadi beliau sebanyak RM5,000 kepada 10 orang mangsa banjir termasuk Rahmat.

Sembilan orang lagi mangsa ialah Razak Mokhtar, 44, Mohd Wahid Abdul Kassim, 62 tahun bapa Rahmat, Ahad Jamat, 46, Jamian Kasrin, 47, Rohaya Kassim, 42, Sudin Kassim, 35, Mohd Zazali Sukimin, 36, Kataman Sam, 36 dan Nor Hadi Aman,

-- BERNAMA

RAM FAZ